

23 NOV 2003

Umno-Penaja (Kelantan)

MUKA BARU KETUA PENAJA UMNO DI KELANTAN BERI KOMITMEN LEBIH

KOTA BAHARU, 23 Nov (bernama) -- Empat muka baru yang diamanahkan pucuk pimpinan Umno menerajui bahagian Umno di negeri ini berterima kasih dan terharu dengan pelantikan itu serta berjanji akan memberi komitmen sepenuhnya kepada parti.

Mereka berkata pelantikan itu adalah tanggungjawab besar yang perlu dipikul bagi menjamin kemenangan parti dan survival orang Melayu di Kelantan.

Datuk Ahmad Rusli Ibrahim, yang dilantik sebagai Ketua Penaja Umno Kubang Kerian, berkata kepercayaan yang diberikan oleh pucuk pimpinan kepadanya adalah mandat rakyat yang perlu dipikul mengikut kehendak pucuk pimpinan dan anggota parti.

"Di atas mandat dan kepercayaan yang diberi membolehkan saya bergerak lebih aktif lagi untuk mengembalikan tahap kecemerlangan Umno serta meneruskan perpaduan parti ke peringkat akar umbi," katanya ketika dihubungi di sini hari ini.

Ahmad Rusli, yang menggantikan Tuan Mohd Hashim Tuan Yaacob, juga berkata perpecahan tidak akan berlaku dalam parti ekoran pelantikan itu, kerana ianya bukan masalah pecat memecat tetapi suatu kesinambungan kepada usaha parti peringkat pusat untuk melaksanakan pembaharuan politik.

"Kalau Tun Dr Mahathir Mohamad (bekas Perdana Menteri) yang kita sayangi pun berhenti, kenapa kita di peringkat bahagian tidak boleh menerima. Parti hendak melihat perubahan, maka kita perlu sedia berubah," katanya.

Datuk Abdul Rahim Abdul Rahman yang dilantik sebagai Ketua Penaja Umno bahagian Pasir Mas menggantikan Datuk Ibrahim Ali pula berkata perubahan yang dibuat oleh pucuk pimpinan parti semata-mata untuk perubahan dalam politik.

Sebagai kawan baik kepada Ibrahim, beliau berkata kerjasama yang diberi sebelum ini akan diteruskan bagi menjamin kemenangan Umno khususnya di Pasir Mas.

"Kepercayaan yang diberi kepada saya satu tanggungjawab yang berat yang saya sanggup pikul, InsyaAllah dengan kerjasama dan sokongan anggota Umno Pasir Mas kita akan mencapai kejayaan di semua tiga kawasan Dewan Undangan Negeri di Parlimen Pasir Mas," katanya.

Ketua Penaja Umno bahagian Bachok, Datuk Dr Awang Adek Hussin berkata, beliau akan meneruskan perjuangan dan jasa yang diberikan oleh bekas ketua Umno bahagian itu, Datuk Ahmad Shahibuddin Mohd Noor, sepanjang 27 tahun lepas menerajui Umno Bachok.

Beliau berkata Ahmad Shahibuddin adalah penggerak utama yang pastinya mempunyai kekuatan untuk menguatkan parti bagi membolehkan Umno khususnya Barisan Nasional menang pada pilihan raya umum nanti.

"Saya ucapkan terima kasih kepada pucuk pimpinan parti khususnya Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang memberi kepercayaan kepada saya menerajui Umno bahagian ini dan saya berjanji akan bekerja kuat bagi menjayakan hasrat dan cita-cita parti," katanya.

Datuk Ramzi Abdul Rahman, yang dilantik Ketua Penaja Umno Kuala Krai menggantikan Datuk Wan Zaid Wan Abdullah, pula mengucapkan terima kasih kepada Majlis Tertinggi (MT) Umno yang telah memberi kepercayaan kepadanya.

Katanya ia merupakan satu amanah dan tanggungjawab berat yang terpaksa dipikul dan beliau memerlukan sokongan seluruh anggota Umno bahagian itu.

"Saya akan mengadakan mesyuarat Umno bahagian selepas hari raya ini dan

berjumpa dengan Pergerakan Wanita, Pemuda dan Puteri untuk sama-sama merangka program parti untuk menghadapi pilihan raya umum akan datang," katanya.

Ramzi berkata beliau akan bekerja keras untuk cuba memenangi empat kerusi negeri dalam kawasan Parlimen Kula Krai iaitu Mengkebang, Guchil, Manik Urai dan Dabong yang kini dikuasai PAS.

-- BERNAMA

MNR BD MAI